

03/04/1997

Punca nahas Agusta diketahui 2 bulan lagi

Ahmad Nazri Mohamad

KUALA LUMPUR, Rabu - Jabatan Penerbangan Awam (DCA) menjangka laporan analisis bahagian Helikopter Agusta A190E Power yang terhempas 3 Mac lalu dari Amerika Syarikat, United Kingdom dan Itali dua bulan lagi.

Pengarah DCA, Zaini Omar, berkata pihaknya dijangka mengenal pasti punca nahas yang mengorbankan Pengerusi DRB-Hicom, Tan Sri Yahaya Ahmad selepas semua bahagian pesawat seperti enjinnya dianalisis.

Menurutnya, seorang pegawai penyiasat DCA kini mengikuti analisis komputer enjin itu di syarikat pengeluar enjin 206C pesawat berkenaan, Pratt & Whitney di Amerika Syarikat.

"Bahagian lain helikopter itu dianalisis di United Kingdom dan Itali tidak lama lagi, yang turut diiringi pegawai penyiasat kami," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Sebahagian komponen pesawat Agusta itu akan dianalisis oleh Penyiasat Kemalangan Penerbangan (AAIB) United Kingdom manakala bahagian lain diperiksa oleh syarikat yang mengeluarkan helikopter, Cosrtruzioni Aeronautics Giovanni Agusta SpA di Itali.

"Pegawai penyiasat kami memerhatikan kerja memeriksa dan menganalisis setiap komponen helikopter itu bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas mengenai proses yang dijalankan serta mengelakkan berlaku penyelewengan," katanya.

Dalam kejadian 3 Mac lalu, Yahaya, isterinya, Puan Sri Rohana Othman dan juruterbang, Mejar (B) Azlizan Abdul Manas terbunuh selepas helikopter yang dinaiki terhempas di Kampung Atong, Kuala Lipis, Pahang.

Helikopter itu terhempas kira-kira jam 10.45 malam, ketika mangsa dalam perjalanan ke Kuala Terengganu untuk melawat ibu Yahaya yang sakit.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan siasatan menyeluruh dijalankan bagi mengenal pasti punca nahas helikopter milik Gadek Aviation itu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor juga memberi jaminan akan menyelesaikan siasatan secepat mungkin terhadap punca nahas yang turut dikaitkan dengan perbuatan sabotaj pihak tertentu itu.

(END)